

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan perniagaan pajak gadai tidak menindas atau mendiskriminasikan pelanggannya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Benarkah perniagaan pajak gadai telah meningkat kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan urusniaga Pemegang Pajak Gadai (PPG) di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] melindungi hak-hak pemajak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan [PKP]. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- i) **Sesi Libat Urus dengan Pihak Persatuan:** Pihak KPKT telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak Persatuan Pemajak Gadai untuk membincangkan isu-isu berkaitan urusniaga PPG. Hal ini termasuklah pemberian pelanjutan

tempoh masa penebusan kepada pemajak dalam tempoh PKP. Selain itu, pihak KPKT melalui perbincangan berkala ini telah memberi peringatan kepada semua pemegang pajak gadai agar sentiasa akur kepada Akta dan Peraturan yang sedang berkuat kuasa.

- ii) **Talian Hotline KPKT:** Mulai 20 Mac 2020, talian hotline KPKT ini menjadi saluran utama bagi golongan pemajak untuk mengajukan pertanyaan dan aduan bagi tindakan dan siasatan selanjutnya di pihak KPKT.
- iii) **Hebahan Rasmi KPKT:** Pelbagai pemakluman terkini dan hebahan telah dibuat kepada orang awam termasuk pemajak mengenai perkembangan terkini urusniaga Pemegang Pajak Gadai melalui laman rasmi Facebook, Instagram dan laman web rasmi KPKT serta aplikasi i-Gadaian; dan
- iv) **Siasatan dan Pemantauan:** Sepanjang tempoh PKP, Cawangan Siasatan dan Pemantauan di bawah Bahagian Kawalan Kredit Komuniti telah menjalankan siasatan dan pemantauan ke atas 136 aduan yang diterima daripada pemajak dan orang awam bagi memastikan pemegang pajak gadai sentiasa mematuhi Akta dan Peraturan yang berkuat kuasa. Dari tahun 2019 sehingga bulan Mac 2020, sebanyak 14 buah premis PPG yang tidak berlesen telah diperiksa oleh pasukan siasatan dan pemantauan berdasarkan aduan orang awam. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, nilai rampasan yang diperoleh adalah lebih daripada RM43,000.00 dan 9 orang individu telah dicadang tuduh di Mahkamah.

Manakala sebanyak 104 premis PPG telah dibuat pemantauan secara berkala pada tahun 2020. Maklumat terperinci mengenai aktiviti pengawalseliaan adalah seperti di berikut :

AKTIVITI PENGAWALSELIAAN KE ATAS PPG

PERKARA	TAHUN 2018	TAHUN 2019	TAHUN 2020	
			SEBELUM PKP (1.1.2020 sehingga 17.3.2020)	SETELAH PKP (18.3.2020 sehingga 31.7.2020)
Bilangan Serbuan (Serbuan yang dijalankan ke atas premis PPG yang tidak mempunyai lesen) *KPI adalah sebanyak empat (4) kali setahun	Tidak berkenaan (Aktiviti ini dijalankan mulai tahun 2019)	6	8	-
Bilangan Aduan Diterima Berkenaan PPG	60	180	58	42
Bilangan Pemantauan (PPG)	160	189	70	34

2. Bagi isu peningkatan syarikat PPG pula, hanya terdapat peningkatan sebanyak 21 PPG berbanding tahun sebelumnya. Statistik Kementerian menunjukkan bahawa sehingga 31 Julai 2020, terdapat 636 premis PPG berbanding dengan 615 premis pada akhir tahun 2019.
3. Sekiranya terdapat golongan pemajak yang merasakan mereka teraniaya atau tertindas, pemajak boleh membuat aduan kepada KPKT melalui saluran-saluran aduan yang sedia ada iaitu secara aplikasi i-Gadaian, talian hotline KPKT dan perkhidmatan kaunter aduan KPKT.

Sekian, terima kasih.